

UCAPAN

**YANG BERTHORMAT
DATO SERI PADUKA HAJI KIFRAWI
BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI**

PEMBUKAAN

**TAHUN UNDANG-UNDANG 2008
HARI SELASA, 18 MAC 2008**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Teramat Mulia, Yang Amat Arif Ketua Hakim dan Yang
Arif Hakim-Hakim Mahkamah Besar

Yang Dipertua Persatuan Undang-Undang Negara Brunei
Darussalam

Para Peguam

Para tetamu

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya amat sukacita dapat berucap sekali lagi kepada Yang Amat Arif dalam upacara seperti ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita sekali lagi dapat hadir dalam upacara pagi ini dan bagi membaharui ikrar yang lazim kita buat untuk bekerjasama serta saling bantu-membantu dalam mendukung kebebasan kehakiman dan kedaulatan undang-undang.

A. PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG

Pejabat Peguam Negara terus-menerus berusaha menyemak Undang-Undang Brunei agar sentiasa kemaskini. Pada tahun lepas Pejabat ini telah menyemak Akta Lalulintas Jalan Raya termasuk Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya 1956. Dan awal tahun ini pejabat ini telah menyemak Akta Keselamatan Dalam Negeri yang termasuk tiga undang-undang tambahan.

Menjelang penghujung tahun lepas, Pejabat ini juga telah mula menyemak lagi Perintah-Perintah yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Tujuan perlaksanaan ini ialah untuk memberikan Perintah-Perintah tersebut bilangan Penggal dalam Undang-Undang Brunei. Perintah-perintah itu pada masa ini disebut sebagai 'Akta'. Sekarang kita ada Akta Penyalahgunaan Komputer sebagai Penggal 194 dan Akta Penghutang sebagai Penggal 195.

Satu lagi usaha Pejabat ini untuk mengemaskinikan Undang-Undang Brunei ialah untuk melupuskan empat undang-undang yang, selama ini, telah dimansuhkan. Undang-undang itu ialah –

- Akta Pegawai Kerajaan (Liabiliti) Penggal 80;
- Akta Buku Jurubank (Keterangan) Penggal 107;
- Akta Kawalan Pertukaran Matawang Penggal 141; dan
- Aturan-Aturan Probet dan Pentadbiran Pusaka yang dibuat di bawah Akta Probet dan Pentadbiran Pusaka Penggal 11.

Berkenaan dengan Akta-Akta lain yang telah dimansuhkan dan digantikan dengan Perintah-Perintah baru, kami berhasrat untuk melupuskannya dan pada masa yang sama memasukkan Perintah-Perintah baru tersebut untuk menjadi Akta-Akta baru.

B. PERUNDANGAN

Pejabat Peguam Negara sedang sibuk menyediakan perundangan dalam bentuk undang-undang baru atau pindaan-pindaan kepada undang-undang yang sedia ada.

Sejak Tahun Undang-Undang yang diadakan tahun lepas, sebanyak 82 undang-undang telah dibuat dan sejak awal tahun ini, setakat ini sebanyak 22 undang-undang telah dibuat. Undang-undang ini menyelenggarakan bidang-bidang kemajuan ekonomi, pelajaran, persekitaran dan kesihatan, pencegahan jenayah dan hal ehwal

keselamatan yang lain. Seperti biasa Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya akan mengutarakan beberapa undang-undang utama yang telah dibuat dan pengertian tentang peruntukan-peruntukannya.

Undang-undang ini ialah -

1. PERINTAH AKTA PASPORT (PINDAAN), 2007

Perintah ini memperuntukkan bagi pegawai imigresen untuk mempunyai kuasa menyiasat yang sama sebagaimana pegawai polis di bawah Kanun Peraturan Jenayah.

2. PERINTAH PENDIDIKAN WAJIB, 2007

Perintah ini memperuntukkan bagi kanak-kanak yang berumur 6 tahun ke atas dan di bawah 15 tahun untuk selalu hadir sebagai murid di sekolah kerajaan melainkan jika kanak-kanak itu bersekolah di institusi pendidikan persendirian dan dia dikecualikan oleh Menteri Pendidikan di bawah Perintah ini atau ibubapanya memberi sebab kerana tidak kesekolah sehingga memuaskan hati Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan.

3. PERINTAH AKTA TERBITAN-TERBITAN YANG TIDAK DIINGINI (PINDAAN), 2007

Perintah ini memperluaskan bidang makna ‘terbitan’ dan antara lain, untuk memasukkan rakaman bunyi, lukisan yang dibuat dengan grafik komputer, negatif fotograf, plat atau slaid. Perintah ini juga membenarkan pemeriksaan dan perampasan terbitan-terbitan lucah atau boleh dibantah.

4. PERINTAH PIHAK BERKUASA SUNGAI LIANG, 2007

Perintah ini menubuhkan Pihak Berkuasa Sungai Liang sebagai badan korporat untuk menjadi ‘one-stop agency’ bagi mengendalikan Taman Perindustrian di Kampong Sungai Liang. Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, dalam tugas sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi Perintah ini boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, menjalankan dan melepaskan, semua atau mana-mana kewajipan dan kuasa yang dipindahkan, diberikan, dikenakan, diletak hak, diwakilkan atau diserahkan, di bawah mana-mana daripada 20 undang-undang bertulis yang disenaraikan dalam Jadual Keempat kepada Perintah ini seperti Akta Letrik, Akta Imigresen, Akta Buruh dan Akta Perbekalan Air.

5. PERINTAH PENGEDARAN DADAH (MENDAPATKAN KEMBALI HASIL) (PINDAAN), 2007 dan

6. PERINTAH KELAKUAN JENAYAH (MENDAPATKAN KEMBALI HASIL) (PINDAAN), 2007

Kuasa kedua-dua pindaan ini adalah untuk membenarkan jumlah yang diperolehi di bawah perintah perampasan untuk di bayar kepada Tabung Perampasan Kesalahan-Kesalahan Jenayah. Wang dalam Tabung itu boleh digunakan, antara lain, bagi maksud-maksud –

- untuk menggalakkan atau menyokong langkah-langkah yang boleh membantu dalam mencegah, menyekat atau selainnya berurusan dengan pengedaran dadah dan kelakuan jenayah; dan
- untuk berurusan dengan akibat pengedaran dadah dan kelakuan jenayah.

7. PERINTAH BAHAN-BAHAN YANG MENGKHAYALKAN (PINDAAN), 2007

Perintah ini menghendaki mana-mana orang yang telah diterima masuk ke Rumah Al-Islah yang merupakan sebuah institusi yang dibenarkan di bawah Akta Bahan-Bahan Yang Mengkhayalkan, untuk menjalani rawatan dan pemulihan bagi suatu tempoh selama

satu tahun melainkan dia dibebaskan lebih awal dengan perintah dari Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

8. PERINTAH AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH (PINDAAN), 2007

Perintah ini memperuntukkan bahawa adalah suatu kesalahan bagi seorang penduduk tetap untuk menghisap, menggunakan untuk dirinya atau selainnya memakan sejenis dadah terkawal walaupun dia berada di luar negara ini dan juga suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk membuat, membekal, ada dalam miliknya atau mengimport atau mengeksport mana-mana peralatan terkawal, benda terkawal atau bahan terkawal dengan mengetahui atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa ianya akan digunakan dalam atau untuk pembuatan dadah terkawal.

9. PERINTAH AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH (PINDAAN), 2008

Ini memperuntukkan bagi mana-mana institusi yang diluluskan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah seperti Rumah Al-Islah, sebagai tempat rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah, di bawah pengawasan am dan pentadbiran Pengarah Biro Kawalan Narkotik, yang dahulunya di bawah Pengarah Penjara.

10. PERINTAH FLORA DAN FAUNA LIAR, 2007

Perintah ini memberi kuasa kepada Konvensyen mengenai Perdagangan Antarabangsa bagi Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar. Antara lain, Perintah ini melarang perdagangan, ke dalam atau dari negara ini, apa-apa spesimen dari spesies yang disenaraikan dalam Perintah ini melainkan orang itu mempunyai suatu permit atau surat akuan yang diberikan di bawah Perintah ini.

11. PERINTAH UBAT, 2007

Perintah ini mengawalselia pengimportan, pendaftaran, promosi, iklan, percubaan klinikal, pengangkutan, pembuatan, penyimpanan dan pengagihan, dan jualan produk-produk ubat dan kosmetik. Antara kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Perintah ini adalah seperti berikut –

- Tiada sesiapa pun boleh membuat, menjual, membekal atau mengimport apa-apa produk ubat melainkan produk itu didaftarkan dan orang itu memegang suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini;
- Tiada sesiapa pun boleh menjalankan mana-mana percubaan klinikal tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Perubatan Negara Brunei Darussalam;
- Larangan ke atas jualan produk-produk ubat dari mesin-mesin automatik;

- Iklan dan kenyataan palsu dan mengelirukan;
- Tiada sesiapa pun boleh menerbitkan atau menyebabkan untuk diterbitkan sebarang iklan ubat yang menuntut, menunjukkan atau mencadangkan bahawa bahan yang diiklankan itu akan mencegah, melegakan atau menyembuhkan sebarang penyakit atau keadaan yang disebutkan dalam Jadual seperti kencing manis dan lelah atau sebarang iklan yang merujuk kepada sebarang kemahiran atau perkhidmatan berkenaan dengan rawatan apa-apa penyakit atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia.

12. PERINTAH KESALAHAN MARITIM (KAPAL DAN PELANTAR KEKAL), 2007

Perintah ini menguatkuasakan Konvensyen bagi Penumpasan Perbuatan Menyalahi Undang-Undang terhadap Keselamatan Pelayaran Maritim dan Protokol bagi Penumpasan Perbuatan Menyalahi Undang-Undang terhadap Keselamatan Pelantar Kekal yang Terletak di Pelantar Benua, kesemuanya ditandatangani di Rom pada 10 Mac 1988. Perintah ini memperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan kapal atau mana-mana orang yang berada diatas kapal seperti berikut -

- a) merampas kapal;
- b) memusnahkan atau merosakkan kapal;
- c) menyimpan atau menyebabkan supaya disimpan sebarang peralatan atau bahan yang boleh memusnahkan kapal;
- d) memusnahkan atau merosakkan kemudahan-kemudahan pelayaran maritim;
- e) memberi maklumat salah;
- f) mengancam untuk membahayakan pelayaran selamat mana-mana kapal;
- g) melakukan perbuatan kejam di atas kapal;

Perintah ini juga memperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di atas suatu pelantar kekal atau mana-mana orang yang berada di atas pelantar kekal seperti berikut –

- a) merampas atau menjalankan kawalan ke atas pelantar kekal;
- b) memusnahkan atau merosakkan pelantar kekal;
- c) menyimpan atau menyebabkan untuk disimpan di atas pelantar kekal suatu peralatan atau bahan yang boleh

memusnahkan atau merosakkannya iaitu membahayakan keselamatannya;

- d) mengancam untuk membahayakan keselamatan pelantar kekal itu;
- e) melakukan perbuatan-perbuatan kejam ke atas mana-mana orang di atas pelantar kekal.

Perintah ini memberi kuasa kepada nakhoda kapal untuk menyerahkan orang yang melakukan kesalahan itu kepada pegawai yang bersesuaian di Negara Brunei Darussalam.

Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan yang dilakukan di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

C. UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Telah diumumkan dalam surat-surat kabar bahawa universiti kedua tempatan, UNISSA, akan menawarkan kursus Sarjana Muda Undang-Undang tahun ini. Ini adalah berita baik bagi Negara Brunei Darussalam.

Untuk pertama kali kita akan mengeluarkan peguam-peguam kita sendiri. Negara Brunei Darussalam masih memerlukan lebih banyak peguam. Selain dari undang-undang asas wajib yang lazimnya (undang-undang jenayah, undang-undang kontrak, dsb), Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya percaya, mata-mata pelajaran seperti penggubalan undang-undang, undang-undang antarabangsa awam, undang-undang kewangan Islam akan ditawarkan. Kursus Sarjana Muda Undang-Undang jelas akan disesuaikan dengan kehendak-kehendak masa depan Negara Brunei Darussalam.

Adalah mustahak untuk diambil maklum bahawa kita memerlukan peguam-peguam ini untuk membantu melaksanakan tugas-tugas eksekutif atau perundangan kerajaan. Pejabat Peguam Negara yang ditugaskan untuk membantu kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan untuk melaksanakan tugas-tugas ini masih memerlukan bukan saja “pengamal-pengamal am” tetapi juga “pakar-pakar” dalam bidang undang-undang yang berlainan. Peguam-peguam juga masih diperlukan dalam bidang Kehakiman untuk menjalankan kerja-kerja kehakiman sebagai Majistret, Pendaftar dan Hakim. Tugas kehakiman ini juga sama pentingnya dengan tugas eksekutif dan tugas perundangan kerajaan.

Dengan jumlah peguam tempatan yang terhad kita perlu merancang dengan berhati-hati mengenai pembahagian atau penggunaan tenaga manusia yang terlatih dalam bidang undang-undang. Kita perlu memberi lebih perhatian dalam waktu terdekat ini. Dalam jangka masa panjang, peguam-peguam tempatan UNISSA yang akan datang patutlah diambil bertugas di Pejabat Peguam Negara, kementerian-kementerian Kerajaan dan juga di Mahkamah-Mahkamah. Graduan-graduan undang-undang tempatan UNISSA juga boleh menjadi Pegawai-Pegawai Pentadbir dalam perkhidmatan awam. Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya percaya Pegawai-Pegawai Pentadbir yang mempunyai pengetahuan dalam bidang undang-undang dan kepakaran dalam pengurusan amat berguna kepada perkhidmatan awam dan malah pentadbiran awam yang baik bagi Negara ini.

Bilangan peguam persendirian yang terdiri dari rakyat/ Penduduk Tetap telah meningkat. Peguam-peguam persendirian kita juga memberi perkhidmatan undang-undang yang penting bagi Negara ini. Sebahagian dari graduan undang-undang tempatan UNISSA juga boleh bekerja dengan firma guaman persendirian dimasa akan datang.

Untuk mempersiapkan diri mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran yang disebutkan diatas dimasa akan datang, Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya fikir adalah lebih berguna jika sebahagian daripada graduan undang-undang tempatan UNISSA kita mengambil Sarjana (LLM) mereka di luar negara seperti di United Kingdom, Australia dan mungkin juga di Amerika Syarikat seperti graduan undang-undang di beberapa buah Negara ASEAN.

D. PERLAKSANAAN SISTEM E-PENDAFTARAN

Selaras dengan inisiatif e-kerajaan Bahagian Pendaftaran Pejabat Peguam Negara juga telah memulakan sistem e-nya. Sistem tersebut dikenali sebagai “sistem e-pendaftaran” yang matlamatnya untuk memberikan orang ramai akses kepada perkhidmatan berikut: syarikat, nama perniagaan dan tanda perniagaan.

Sistem tersebut bermula pada tahun 2006 dan matlamat kami ialah untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan yang disebutkan di atas dengan lebih cepat, lebih diyakini dan sistem pendaftaran yang cekap. “Sistem e-pendaftaran” memodenkan sistem dan proses perniagaan yang ada sekarang dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dengan nilai tambahan

pada penggunaan teknologi maklumat (IT) dan mengenalkan e-perkhidmatan yang baru selaras dengan e-kerajaan.

Matlamat e-pendaftaran ialah untuk menyelenggarakan pendaftaran yang kemaskini dengan maklumat yang betul dan tepat yang boleh diperolehi melalui internet, untuk memberikan maklumat mengenai syarikat-syarikat berdaftar, nama-nama perniagaan berdaftar dan tanda-tanda perniagaan berdaftar secara elektronik dan untuk membolehkan pembayaran fee secara *on-line* dalam waktu yang singkat ini.

“Sistem e-pendaftaran” akan membolehkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut untuk dilakukan secara *on-line*:

- 1) pendaftaran nama-nama perniagaan baru
- 2) pemerbadanan syarikat-syarikat baru
- 3) pendaftaran tanda-tanda perniagaan
- 4) pemfailan dokumen-dokumen berkanun berhubung dengan nama-nama perniagaan, syarikat-syarikat dan tanda-tanda perniagaan.

Bagi nama-nama perniagaan seperti yang kita ketahui, kita ada kemudahan pencarian nama di pejabat ini dimana orang ramai boleh mencari nama-nama yang telah didaftarkan. Bagaimanapun

pada masa ini kesemua nama yang dipohonkan masih lagi bergantung pada pertimbangan dan kebenaran Pendaftar. Kami berharap untuk mengeluarkan garispandu mengenai bagaimana untuk mencari nama dengan menggunakan kemudahan pencarian nama.

Kami telah mengenalkan penggunaan sistem kod bagi jenis perniagaan. Kami harap sistem kod ini akan membantu orang ramai memilih jenis perniagaan mereka dengan betul dan akan menolong mengurangkan masa dalam membuat permohonan mereka. Sistem kod ini juga memastikan terdapatnya kesamaan dalam keterangan jenis perniagaan itu dan dapat membantu agensi-agensi/pihak-pihak berkuasa kerajaan yang lain untuk mempertimbangkan permohonan bagi pengeluaran lesen/permit perniagaan yang berkenaan. Sistem kod ini disemak dan dikemaskini dari masa ke semasa. Mulai dari 1hb. Januari 2008 hingga 11hb. Mac, 2008 Pejabat Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan telah memproses 1035 permohonan nama dan mengeluarkan 728 sijil nama perniagaan yang baru. Tahun lepas dalam tempoh yang sama, Pejabat Pendaftaran telah memproses 884 permohonan nama dan mengeluarkan 638 sijil nama perniagaan yang baru.

Kami juga telah memperkenalkan *kiosk* awam untuk mengakses ke sistem kami. Orang ramai, firma guaman, akauntan dan firma kesetiausahaan telah menggunakan *kiosk* awam ini. Bagi yang tidak pandai menggunakan komputer, kakitangan kami sentiasa bersedia untuk membantu orang ramai yang memerlukannya.

Kami berhasrat untuk membina satu pengkalan data perniagaan dan tanda perniagaan di Negara Brunei Darussalam pada masa yang akan datang. Dengan sistem e-pendaftaran kami harap dapat mengurangkan penggunaan kertas dan untuk menjadi pejabat “kurang menggunakan kertas”.

E. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG HARTA INTELEKTUAL

Pejabat Peguam Negara juga bertanggungjawab bagi pentadbiran dan sama-sama bertanggungjawab bagi penguatkuasaan hak-hak harta intelektual dengan pihak berkuasa polis dan kastam.

Pihak polis telah lama bertindakbalas kepada aduan-aduan yang dilaporkan oleh pemegang-pemegang hak harta intelektual dan tindakan telah diambil keatas semua aduan itu.

Sumber yang mencukupi telah ditentukan untuk memerangi cetak rompak, dalam enakmen undang-undang yang sesuai dan penyediaan pegawai-pegawai yang berdedikasi dalam pasukan polis dan kastam untuk memenuhi keperluan semasa.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan malangnya menghadapi masalah, terutama sekali dalam bidang hakcipta dan tanda-tanda perniagaan, kerana tidak ramai pemegang hak berada di Negara Brunei Darussalam. Ini menyebabkan kesukaran dalam pembuktian keterangan dan prosedur kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan dan pendakwa yang hendak memulakan tindakan yang sewajarnya.

Pejabat Peguam Negara mempunyai pendakwa-pendakwa untuk mengemukakan kes-kes tertentu ke Mahkamah, seperti yang telah dilakukan dalam kes-kes sebelumnya. Pejabat Peguam Negara juga mempunyai polisi terbuka kepada pemegang hak, dimana sebilangan pemegang hak dan pemegang lesen eksklusif tampil untuk membincangkan tindakan dan remedi yang munasabah. Perbincangan tersebut bukan saja berkenaan dengan pelanggaran barangan fizikal tetapi juga pelanggaran yang dilakukan melalui internet, contohnya menganjurkan atau memberikan salinan-salinan elektronik yang dikatakan melanggar media hakcipta.

Bagaimanapun pihak-pihak yang berkenaan patut menyedari tindakan jenayah menghendaki beban pembuktian yang tinggi dan oleh itu keterangan yang kukuh sangat diperlukan melebihi dari tindakan sivil atau langkah-langkah penguatkuasaan sempadan (border enforcement). Walau dianggap berkesan, kebanyakan pemegang hak atau wakilnya yang bersesuaian belum menggunakan tindakan sivil atau langkah-langkah penguatkuasaan sempadan tersebut.

Sokongan dan dedikasi yang berterusan daripada pemegang-pemegang hak atau wakil-wakil yang bersesuaian diperlukan untuk menghapuskan cetak rompak dengan berkesan dan bukan sekadar sambil lewa saja.

Pemegang-pemegang hak digalakkan untuk menggunakan langkah-langkah penguatkuasaan sempadan yang lebih mudah, untuk mencegah pengimportan bahan-bahan yang menyalahi. Suatu notis secara bertulis kepada Pengawal Kastam adalah dikehendaki dan jaminan mungkin diminta.

F. KESIMPULAN

Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya daripada pelbagai Bahagian di dalam Pejabat Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya iaitu Keadilan Jenayah, Sivil, Hal Ehwal Antarabangsa, Penggubalan Undang-Undang dan Pejabat Pendaftaran kerana usaha keras mereka.

Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Kementerian dan Jabatan terutama sekali Jabatan Perdana Menteri kerana semua sokongan, bantuan dan kerjasama mereka.

Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pesuruhjaya Polis dan pegawai-pegawainya serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri kerana bantuan dan kerjasama mereka dan usaha berterusan mereka dalam mengekalkan dan memelihara undang-undang dan ketenteraman.

Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas perlantikan baru-baru ini bagi Yang Amat Arif Awang Haji Hairolarni bin Haji Abdul Majid sebagai Hakim Mahkamah Tinggi sepenuh masa; Yang Mulia Dk Hajah Rostaina binti Pengiran Haji Duraman sebagai Ketua Pendaftar dan Hakim Dayang Lim Siew Yen sebagai Hakim Mahkamah Perantaraan sepenuh masa.

Yang Amat Arif, Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya ingin mengakhiri ucapan Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya ini. Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya berharap hubungan baik di antara Pejabat Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya dan Jabatan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian dan Persatuan Undang-Undang akan berterusan pada tahun-tahun akan datang. Kita semua bertanggungjawab untuk mendukung keutuhan Sistem Undang-Undang kita.

Akhir sekali, Hamba Tuanku/peramba/kaola/saya ingin mengucapkan kepada Yang Amat Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini semoga tahun ini membawa kemakmuran dan kejayaan.